



09 JUN, 2024

Kenderaan disita tidak lunas duti lebih RM3.08 juta

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Kenderaan disita
tidak lunas duti
lebih RM3.08 juta

LABUAN: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan menyita 34 kenderaan pelbagai jenama bernilai lebih RM3.08 juta termasuk duti belum dibayar dalam beberapa siri operasi tahun ini.

Pengarah JKDM Labuan Aspalila Awang Tuah berkata kesemua yang disita termasuk kenderaan mewah seperti BMW, Toyota Vellfire, Volkswagen, Mercedes-Benz dan Audi Q7 dengan operasi terbabit dijalankan di tanah besar Sabah.

Beliau berkata kenderaan lain yang dirampas ialah Toyota Harrier, Toyota Fortuner, Toyota Altis, Toyota Rush, Honda CRV serta Subaru.

“Dalam tempoh kira-kira enam bulan pertama tahun ini, kita sudah merekodkan 34 kes berbanding 16 kes bagi tempoh sama tahun lepas,” katanya pada sidang media di sini, Sabtu.

Menurut Aspalila, modus operandi pihak terbabit ialah membawa kenderaan itu ke luar pulau bebas cukai, iaitu Kawasan Utama Kastam (KUK) menerusi kemudahan di bawah Butiran 14 Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017.

Beliau berkata bagaimanapun kesemua kenderaan terbabit tidak kembali ke pulau bebas cukai berkenaan selepas tamat tempoh 90 hari ditetapkan.



09 JUN, 2024

Kenderaan disita tidak lunas duti lebih RM3.08 juta

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

LABUAN: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan menyita 34 kenderaan pelbagai jenama bernilai lebih RM3.08 juta termasuk duti belum dibayar dalam beberapa siri operasi tahun ini. Pengarah JKDM Labuan Aspalila Awang Tuah berkata kesemua yang disita termasuk kenderaan mewah seperti BMW, Toyota Vellfire, Volkswagen, Mercedes-Benz dan Audi Q7 dengan operasi terbabit dijalankan di tanah besar Sabah. Beliau berkata kenderaan lain yang dirampas ialah Toyota Harrier, Toyota Fortuner, Toyota Altis, Toyota Rush, Honda CRV serta Subaru.